

## **Budaya Berfikir Kritis Berteraskan Al-Quran Sebagai Asas Pembinaan Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Kini**

**Norafifah Ab Hamid**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Melaka, Kampus Jasin  
[norafifah318@gmail.com](mailto:norafifah318@gmail.com)

**Nor Azlina Abd Wahab**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Melaka, Kampus Alor Gajah  
[azlina655@gmail.com](mailto:azlina655@gmail.com)

**Norajila Che Man**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Melaka, Kampus Jasin  
[nor85ila@gmail.com](mailto:nor85ila@gmail.com)

### **ABSTRAK**

Di era globalisasi kini pemikiran Barat dilihat amat berpengaruh dalam aspek gaya hidup dan gaya berfikir masyarakat Melayu-Islam khususnya terhadap generasi muda. Pada hakikatnya ajaran Islam telah pun menggariskan panduan berfikir kepada umatnya dengan pelbagai gaya berfikir dalam al-Quran termasuklah gaya berfikir kritis. Pemikiran kritis bukanlah suatu bentuk pemikiran baru malahan telah pun ditekankan dalam ajaran Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah. Elemen-elemen pemikiran kritis yang menekankan aspek penilaian analitikal dan objektiviti jelas dibincangkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk mengemukakan dan menganalisis beberapa elemen utama pemikiran kritis yang terkandung dalam al-Quran sebagai asas kepada pembinaan budaya berfikir masyarakat Melayu kini. Kertas kerja ini dilihat penting untuk mengangkat konsep pemikiran kritis Islam dalam usaha mentransformasi pemikiran masyarakat Melayu kini sekaligus mengukuhkan gaya berfikir masyarakat Melayu dengan kembali menyedari hakikat pentingnya pemikiran kritis Islam dan ianya perlu diaplikasi bagi melahirkan generasi Melayu minda kelas pertama.

**Kata Kunci:** Berfikir Kritis, Al-Quran dan Melayu.

### **PENDAHULUAN**

Pemikiran merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dan sangat dituntut dalam ajaran Islam. Namun demikian aktiviti berfikir tersebut seharusnya beroperasi dalam lingkungan *worldview* Islam berasaskan paradigma tauhid seperti yang dinyatakan panduannya dalam al-Quran dan al-Sunnah dan turut dihayati oleh para khalifah Islam yang amanah pada zaman kegemilangan Islam. Pada hakikatnya, segala bentuk kemahiran berfikir telah pun diajar dalam al-Quran dan al-Sunnah termasuklah kemahiran berfikir secara kritis walaupun istilahnya tidak disebut secara langsung. Maka, sebagai khalifah di muka bumi ini, menjadi tanggungjawab setiap insan untuk memaksimumkan penggunaan akalnya bagi menegakkan kalimah Allah SWT dan mentadbir urusan dunia dengan baik.

Justeru munculnya pemikiran kritis adalah untuk dibudayakan dalam kehidupan masyarakat Islam bagi mencapai kegemilangan tamadun.

## DEFINISI PEMIKIRAN KRITIS

Dari segi bahasa, menurut *Kamus Dewan*, edisi ketiga “pemikiran” bermaksud perihal berfikir atau memikir, manakala perkataan “*kritis*” yang berasal dari bahasa Indonesia-Belanda mempunyai jaringan makna yang berikut; tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (iaitu dengan menimbangkan baik buruknya terlebih dahulu) dan bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) (Baharom, 2002). Perkataan “*kritis*” sebenarnya berasal daripada perkataan inggeris “*critic*”. Namun begitu kata dasar “*kritis*” merupakan perkataan Greek “*kriths*” (*kritikos*) yang bermaksud menimbang (*judge*). Menimbang membawa maksud menilai (*evaluates*), membezakan (*distinguishes*), memutuskan (*decide*) dan menyoal (*question*), sama ada sesuatu itu benar atau salah (Hamid, 2001). Perkataan *critical* yang berasal dari perkataan *kritikos* ini juga turut memberi makna menyoal untuk mempertingkatkan pemahaman (Philip, 1997). Apabila dirujuk kepada perkataan “*critical*”, ia didefinisikan seperti berikut:

*“Making carefull judgement; involving making fair, carefull judgement about the good and bad qualities.”*(Hornby, 1995)

Jelas bahawa “*critical*” merujuk kepada maksud pertimbangan dan keadilan secara berhati-hati, di mana kesemua aktiviti ini bertujuan untuk mencari kebenaran atau mengeluarkan pandangan apabila didapati sesuatu hal itu tidak benar.

Menurut (Dewey, 1933) pemikiran kritis ialah sebuah pemikiran yang bersifat reflektif iaitu berfikir secara mendalam dan membuat pertimbangan yang serius berkenaan sesuatu perkara. Manakala Bloom menjelaskan, pemikiran kritis sebagai pemikiran yang melibatkan aktiviti mental seperti menganalisis, membuat sintesis dan membuat penilaian (Bloom, 1956). Seterusnya Ennis pula mendefinisikan pemikiran kritis sebagai pemikiran reflektif yang tertumpu untuk memutuskan sama ada sesuatu maklumat itu boleh diterima atau tidak (Ennis, 1996). Sehubungan itu, Mohd Fauzi Hamat secara ringkasnya berpendapat bahawa pemikiran kritis adalah kecekapan, kecerdasan, dan keupayaan minda manusia untuk menilai sesuatu gugusan idea, hujah, pemikiran dan pendapat yang diterima oleh seseorang (Hamat, 2004).

Sementara itu, al-Qaradawi tidak menggunakan istilah pemikiran kritis atau “*al-tafkir al-naqdi*” namun beliau cenderung menggunakan istilah “*al-aql al-‘ilmiyah*” yang bertentangan dengan “*al-aql al-khurafat*”, di mana ia merupakan sebuah pemikiran yang berteraskan acuan al-Quran dengan memiliki sifat-sifat dan ciri-ciri khas yang tersendiri sebagaimana yang akan dinyatakan selanjutnya. Sementara akal khurafat adalah akal yang mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling tanpa mengambil kira pertimbangan yang sewajarnya diambil untuk memastikan kebenarannya. Tambah beliau lagi, akal ilmiah ini seharusnya bersifat bebas dan objektif serta menolak akal yang sesat, akal taklid yang jumud dan mengikut hawa nafsu. Perkara penting dalam akal ilmiah ini ialah menolak keraguan dalam perkara yang pasti, tidak mengikut hawa nafsu dan emosi dalam bidang ilmu pengetahuan, menolak taklid buta terhadap warisan nenek moyang, tidak tunduk atau taksub kepada pemimpin atau pembesar serta tidak mengikuti sesuatu perkara tanpa dalil atau bukti (Qaradawi, 2001).

Selain itu, pemikiran kritis juga turut merujuk kepada pemikiran yang berneraca (*tafkir al-mizani*). Al-Ghazali dalam kitabnya *al-Qistas al-Mustaqim* turut menggunakan istilah ini ketika beliau mengeluarkan beberapa asas neraca berfikir daripada al-Quran bagi menolak neraca berfikir yang dipegang oleh golongan Syi’ah yang berpegang kepada konsep imam yang sentiasa terpelihara daripada dosa yang bertentangan secara total dengan neraca berfikir al-Quran. Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan oleh para

sarjana, dapat dinyatakan bahawa pemikiran kritis ialah sebuah bentuk pemikiran yang mendalam dan serius untuk memastikan kebenaran sesuatu maklumat agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dapat dikenalpasti rata-ratanya para sarjana yang mendefinisikan pemikiran kritis ini tidak dapat lari dari aspek tiga elemen utama iaitu analitikal, penilaian dan objektiviti. Meskipun tidak menyebut ketiga-tiga aspek elemen tersebut secara serentak dalam definisi yang diberikan namun dalam setiap definisi didapati sekurang-kurangnya terkandung salah satu aspek elemen tersebut.

## BUDAYA BERFIKIR KRITIS MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Hakikatnya ajaran Islam juga turut menekankan unsur-unsur pemikiran kritis yang bersifat tinggi dan rendah seperti mana yang telah dinyatakan oleh sarjana barat (Ramli, 1998). Menurut para sarjana Barat pemikiran kritis yang bersifat rendah ini hanya melibatkan proses kognitif (kemahiran mikro) yang sederhana seperti proses membuat kategori, membuat sekuens dan urutan, membanding dan membeza, meneliti bahagian-bahagian kecil dan menerangkan sebab-musabab. Pemikiran kritis yang bersifat tinggi pula ialah bentuk pemikiran yang bukan hanya melibatkan proses kognitif tetapi turut melibatkan proses metakognitif (*thinking about thinking*) yang memerlukan daya taakulan seperti membuat ramalan, mengusul periksa andaian, membuat inferens, memastikan sumber maklumat dan mencari sebab serta membuat kesimpulan (Hamid, 2001). Dalam al-Quran konsep berfikir dan penggunaan akal turut ditekankan di mana konsep yang berkait dengan akal dan berfikir disebut sebanyak 49 kali yang melibatkan kata 'aqala, na'qilu, ya'qilu, ta'qilun dan ya'qilun (Qaradawi, 2001).

Berikutnya itu juga dapat dikenal pasti lima metode utama berfikir yang disebutkan dalam al-Quran iaitu metode *ta'qil* (berfikir), *tadhakkur* (mengingat), *tafakkur* (berfikir secara mendalam), *tadabbur* (merenung) dan *tafqih* (memahami). Berikut dikemukakan ayat-ayat al-Quran berkait dengan lima metode utama berfikir seperti yang disebutkan. Di antaranya:

- Ayat yang berkait dengan metod *ta'qil*, firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Mengapa kamu suruh orang lain (mengerjakan) kebaktian, sedang kamu melupakan diri (kewajipan) mu sendiri, padahal kamu membaca al Kitab (Taurat)? Maka tidaklah kamu berfikir?"

Surah al-Baqarah (2):44

- Ayat yang berkait dengan *tadhakkur*, firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka."

Surah Ali 'Imran (3):190-191

- Ayat yang berkait dengan *tafakkur*, firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan Dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-gunnedung dan sungai-sungai padanya, dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan, Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.”

Surah al-Ra'd (13):3

- iv. Ayat yang berkait dengan *tadabbur*, firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al Quran? Kalau kiranya Al Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya.”

Surah an-Nisa' (4): 82

- v. Ayat yang berkait dengan *tafqih*, firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka Itulah orang-orang yang lalai.”

Surah al-A'raf (7):179

Berdasarkan ayat-ayat yang dinyatakan di atas, beberapa kemahiran berfikir atau gesaan terhadap penggunaan akal telah dinyatakan dalam al-Quran (Rahim, 2002):

- i. Gesaan melihat dan merenung setiap sesuatu kejadian dan fenomena alam. (Surah an-Nisa' (4): 82).
- ii. Gesaan mentafsir, meneliti dan menganalisa sesuatu peristiwa yang ditanggapi oleh pancaindera. Selain itu turut memahami sesuatu disebalik kejadian serta memahami dan memperkembangkannya untuk kehidupan. (Surah al-Baqarah (2): 164)
- iii. Gesaan merakam segala maklumat dan data yang diperolehi serta melalui proses mengingat semula dalam menyelesaikan masalah. (Surah 'Ali-'Imran (3): 190-191).
- iv. Gesaan membuat andaian dan ramalan terhadap apa yang akan berlaku. (Surah al-Syura (42): 13)
- v. Gesaan tafakur untuk proses muhasabah diri dan meningkatkan keimanan. (Surah al-Dhariyat (51): 20-21)

Daripada penjelasan di atas dapat dinyatakan bahawa ajaran Islam sangat mengambil berat cara berfikir. Bukan sekadar itu, malahan turut mengajar manusia berfikir dengan metode berfikir yang kritis seperti membuat ramalan, penilaian, pentafsiran dan sebagainya. Justeru konsep berfikir kritis pada hakikatnya telah pun dijelaskan dalam al-Quran, hanya istilahnya sahaja tidak disebutkan secara langsung seperti mana yang telah disebutkan oleh sarjana Barat. Memandangkan elemen-elemen budaya berfikir kritis ini melibatkan perbincangan yang luas, maka penulis hanya akan mengemukakan tiga elemen utama budaya berfikir kritis iaitu analitikal, objektif dan penilaian.

- i. **Budaya berfikir secara analitikal menurut al-Quran**

Dalam membincangkan persoalan yang berkait dengan analitikal, sesungguhnya al-Quran lebih terdahulu menyebut hal ini. Ini dapat disaksikan melalui firman-firman Allah SWT. Di antaranya ialah:

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya.

Surah al-Isra' (17):36

Dalam Tafsir al-Azhar (Hamka, 1985), menjelaskan bahawa ayat ini adalah ayat yang penting bagi membentuk peribadi Muslim. Sesungguhnya manusia dilarang menjadi pak turut atau menuruti apa sahaja tanpa diselidiki terlebih dahulu sebab dan musabab sesuatu perkara. Selain itu digambarkan golongan yang menjadi pak turut atau yang menuruti segala jejak langkah nenek moyang dan adat istiadat tradisi, adalah golongan yang tidak menggunakan akal fikiran yang Allah SWT kurniakan dengan sebaiknya. Sedangkan hati dan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah untuk memperhatikan keadaan di sekeliling dan membuat pertimbangan baik buruknya.

Setelah diteliti terdapat beberapa perkara utama yang terkandung dalam ayat al-Quran tersebut yang berkait rapat dengan konsep analitikal. Perkara-perkara tersebut adalah seperti:

- i. Larangan membuat tuduhan tanpa pengetahuan
- ii. Memastikan kebenaran atau kesahihan sesuatu perkara
- iii. Teliti dan cermat
- iv. Selidiki sebab-musabab sesuatu perkara atau masalah.

Ini jelas dapat membantu dalam membendung budaya taklid buta dan menjadi pak turut. Sekaligus bertepatan dengan konsep pemikiran kritis itu sendiri yang tidak mengamalkan *carry on sindrom*.

## ii. Budaya berfikir secara objektif menurut al-Quran

Proses berfikir secara objektif ketepatan adalah proses berfikir yang mendorong seseorang untuk berfikir berasaskan kenyataan dan fakta sebenar (Hamid, 2001). Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat dan fakta semata-mata kerana kedua-dua perkara inilah yang memainkan peranan penting dalam menentukan kelincinan proses berfikir. Seseorang yang berfikir secara objektif ini tidak akan menggunakan unsur-unsur emosi, cita rasa dan prasangka (Hassan, 2003). Allah SWT telah memperingatkan manusia agar berfikir secara objektif, antaranya ialah tegahan agar manusia tidak tunduk kepada hawa nafsu. Ini kerana amalan menurut hawa nafsu semata-mata tanpa irungan akal dan iman akan menyebabkan berlakunya kehancuran dalam diri manusia, di mana ia akan melahirkan sikap-sikap negatif seperti hasad dengki, bias, tamakkhan harta dan pangkat, pentingkan diri sendiri, melakukan kezaliman dan maksiat. Ini bertentangan sama sekali dengan budaya berfikir secara objektif. Berikut adalah antara ayat al-Quran yang menjelaskan bagaimana amalan berfikir dan bertindak berdasarkan hawa nafsu boleh memalingkan manusia dari kebenaran. Antaranya firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan demikianlah, kami telah menurunkan al-Quran itu sebagai peraturan (yang benar) dalam bahasa Arab. Dan seandainya kamu mengikuti hawa nafsu mereka setelah datang pengetahuan kepadamu, maka sekali-kali tidak ada pelindung dan pemelihara bagimu terhadap (siksa) Allah.”

Surah al-Ra`d (13): 37

Ibn Kathir menyatakan bahawa ayat ini adalah peringatan kepada golongan ulama. Sebagai ulama yang telah mengetahui dan mendalamai ajaran dan Sunnah Rasulullah SAW, mereka tidak seharusnya mengikuti jalan orang-orang yang sesat iaitu golongan yang ter dorong kepada hawa nafsu. (Kathir, 2004). Kemudian Syed Qutb menegaskan lagi bahawa ilmu pengetahuan yang datang kepada umat Islam itu adalah ilmu pengetahuan yang diyakini kebenarannya, sedangkan pendapat yang dikatakan oleh golongan-golongan (ahli kitab dan kaum musyrikin) adalah pendapat-pendapat hawa nafsu yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan dan keyakinan (Qutb, 2000).

### iii. Budaya berfikir berasaskan penilaian menurut al-Quran

Penilaian adalah metode berfikir yang berasaskan satu set kriteria, termasuk keaslian, kebenaran, kejituhan, kemunasabahan, dan nilai idea berkenaan (Hiang, 1997). Ertinya di sini sebelum seseorang mengambil sesuatu keputusan, penilaian yang jitu haruslah dilakukan. Begitu juga ketika menerima sesuatu maklumat atau perkara di mana penilaian harus dilakukan bagi mengelak sikap taksub dan fanatik. Ini kerana sikap fanatik dan taksub adalah salah satu daripada gejala melampau-lampau atau keterlaluan dalam sesuatu pegangan atau pendirian (Baharom, 2002). Ia juga adalah sikap tertutup terhadap pandangan lain yang berbeza (Majid, 2003). Hal ini berlaku kerana kegagalan dalam membuat penilaian. Seterusnya, sikap taksub dan fanatik ini menjadi lebih subur apabila seseorang itu bersikap jumud dalam berfikir dan mendatar dalam memahami sesuatu perkara. Berikut adalah di antara firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Katakanlah: Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembuni, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui.”

Surah al-A`raf (7): 33

Di hujung ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memperingatkan umat manusia agar berhati-hati dalam membicarakan sesuatu perkara yang tidak diketahui (Hamka, 1985). Ayat ini khususnya ditujukan kepada masyarakat arab Jahiliyyah yang melakukan pembohongan-pembohongan terhadap Allah SWT mengenai sesuatu yang tidak diketahui mereka seperti perbuatan mereka yang menghalal dan mengharamkan sesuatu. Kemudian mereka mendakwa sebagai perintah dari Allah SWT tanpa berasaskan ilmu dan keyakinan (Qutb, 2000). Sesungguhnya dengan melakukan penilaian, sesuatu perkara itu akan diketahui dan difahaminya berasaskan ilmu dan keyakinan sekaligus membebaskan diri dari sikap fanatik dan taksub.

## MASYARAKAT MELAYU DAN CABARAN PEMIKIRAN SEMASA

Kehebatan Alam Melayu dalam konteks sejarah telah pun dikenali seluruh dunia dan ianya tidak dapat lagi dinafikan. Dua elemen yang menjadi faktor utama wilayah ini dikenali sebagai Alam Melayu adalah kerana bahasa Melayu yang menjadi *lingua franca* dan keduanya agama Islam yang dianuti majoriti penduduknya. Kedatangan dan penerimaan agama Islam telah membawa perubahan besar kepada peradaban Melayu. Sistem politik,

undang-undang, pendidikan, sosio-budaya dan ekonomi telah dipengaruhi unsur-unsur Islam. Bukan sekadar itu malahan kedatangan Islam ke Alam Melayu sebenarnya telah memantapkan keseluruhan pandangan semesta Melayu yang berasaskan kepada *hablumminallah* dan *hablumminannas* (Musa, 2004). Daripada itu dapat dinyatakan bahawa keutuhan tamadun Melayu adalah kerana ajaran Islam yang masuk ke Alam Melayu dengan membawa perubahan ke atas cara berfikir masyarakat Melayu yang sebelumnya dipengaruhi pelbagai unsur animisme dan khurafat kemudian bertukar kepada cara berfikir Islam berteraskan tawhid.

Malangnya menjelang zaman moden kini dunia Islam dicabar oleh kebangkitan kuasa Eropah. Umat Islam termasuk masyarakat Melayu terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran baru. Cabaran peradaban abad 21 merupakan cabaran baru bersifat global yang membawa dunia Islam semakin terancam dalam segala aspek, bukan sahaja dalam politik dan ekonomi, tetapi juga dalam sosio budaya dan pemikiran yang dilihat semakin serius melanda masyarakat Islam. Inilah realiti sebenar yang dihadapi tamadun Melayu kini. Disebalik pembangunan pesat yang dicapai, aspek cabaran ini juga perlu diberikan perhatian kerana dibimbangi akan melemahkan pemikiran masyarakat Melayu.

Di era globalisasi ini dapat disaksikan perkembangan teknologi maklumat yang dipelopori oleh Barat hingga menjadikan mereka mampu menguasai segala-galanya. Tidak dinafikan banyak kebaikan yang turut diperolehi masyarakat Melayu namun masyarakat Melayu memerlukan pendekatan proaktif dan strategik. Ini bagi memelihara kepentingan nilai dan agamanya daripada dicairkan oleh faham kebendaan-hedonistik Barat menerusi globalisasi (Baba, 2013). Hakikatnya inilah penjajahan pemikiran yang sangat bahaya kerana ia menyerang secara halus dan tersembunyi tanpa disedari (Abdullah, 2008). Adalah dibimbangi arus globalisasi yang sedang berkembang kini tidak dimanfaatkan secara betul sehingga mendedahkan masyarakat Melayu kepada nilai-nilai negatif. Fenomena ini dianggap sebagai satu cabaran besar yang perlu di hadapi oleh masyarakat Melayu kini dalam usaha mengekalkan budaya hidup Melayu yang pada hakikatnya kaya dengan nilai-nilai murni, adab, tata susila dan keluhuran budi.

Begitu juga dalam konteks Pendidikan di mana dunia moden hari ini telah menjadikan rasionalisme sebagai indikator utama, berbeza dengan sifat keilmuan alam Melayu yang amat menekankan aspek spiritual. Dalam konteks pendidikan dewasa ini masyarakat Melayu seharusnya menitik beratkan kualiti modal insan. Kekuatan pemikiran amat berkait rapat dengan pencapaian modal insan. Masyarakat Melayu perlu berusaha membentuk modal insan yang berasaskan acuan sendiri dan tidak semestinya menolak faktor Barat dan Timur yang bermanfaat tetapi masyarakat Melayu harus memiliki upaya menyaring yang tinggi supaya mereka tidak hanya bertahan sebagai umat pengguna semata-mata tetapi akhirnya mampu menjadi umat penyumbang yang dihormati dan disegani masyarakat dunia (Baba, 2006).

Dalam konteks politik dapat dilihat pelbagai konflik dan pertelingkahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu kini. Perebutan kuasa dan kejatuhan integriti dalam kalangan masyarakat Melayu dilihat semakin meruncing. Pelbagai isu integriti dan etika kepimpinan didebakkan. Tidak kurang juga konflik perkauman yang berlaku akibat ketidakpuasan hati dalam pemerintahan kesan dari sistem pecah perintah yang dibawa oleh penjajah British. Lebih buruk lagi kepercayaan terhadap kepimpinan Melayu telah merosot dan dilihat semakin goyah. Selain itu perlu disedari bahawa arus globalisasi turut mempengaruhi aspek politik tanah Melayu. Konflik dunia yang berlaku hari ini banyak bergantung pada politik global. Kekuasaan Barat berada pada puncak yang luar biasa dalam hubungannya dengan peradaban lain perlu disedari. Kekuatan tenteranya tidak dapat ditandingi dan mendominasi lembaga politik dan keamanan global secara efektifnya dikuasai oleh Amerika, Inggeris dan Perancis (Abdullah, 2008). Fenomena ini mampu menggugat dan memusnahkan kedaulatan sesebuah Negara. Kepimpinan dan pemerintahan adalah aspek penting dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat dan kecemerlangan sesebuah tamadun.

Selain itu umat Islam dan masyarakat Melayu turut berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi. Ekonomi merupakan aspek penting dalam perkembangan sesebuah tamadun, malangnya dalam konteks semasa masalah ekonomi umat Islam semakin meruncing. Antara cabaran ekonomi yang dihadapi oleh umat Islam ialah sekatan ekonomi atau embargo, rampasan kekayaan negara, penguasaan ke atas sumber kekayaan sendiri, krisis kewangan, kemiskinan dan sebagainya. Sekatan ekonomi yang dilakukan oleh kuasa dunia ini sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada ekonomi di alam Melayu. Ketamakan pemimpin negara turut menyumbang kepada penguasaan ekonomi negara. Hal ini berlaku kerana terdapat sebahagian dari pemimpin negara menginginkan kuasa pemerintahan sehingga perlu bergantung kepada negara kuasa besar. Situasi ini memberikan kesan yang besar kepada negara-negara umat Islam yang lain (Salamon, 2010).

Krisis kewangan yang berlaku menjadi satu cabaran kepada umat Islam dan masyarakat Melayu. Krisis ekonomi ini juga berkait rapat dengan dengan kesan ekonomi ribawi, nilai wang, inflasi, perbelanjaan negara defisit, hutang luar negeri, monopolii, rasuah dan sebagainya. Perlakuan ekonomi yang bercanggah dengan syariat Islam hanya akan merosakkan ekonomi seluruh umat Islam. Ekonomi ribawi contohnya akan menyebabkan ketidakadilan berleluasa dalam masyarakat (Salamon, 2010). Bukan sekadar itu malahan boleh menyebabkan masalah kemiskinan itu semakin berleluasa. Kemiskinan merupakan musuh senyap yang semakin membunuh kekuatan masyarakat Melayu kini. Kadar kemiskinan yang tinggi menyebabkan masyarakat Melayu akan sentiasa hidup dalam kebergantungan kepada bantuan. Keadaan ini akan menyebabkan masyarakat Melayu semakin lemah dan tidak mempunyai keupayaan untuk mempertahankan nilai-nilai murni dalam pemikiran masyarakat Melayu.

Inilah realiti masyarakat Melayu kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Kesemua masalah dan cabaran ini memerlukan kepada suatu budaya berfikir yang berasaskan *worldview* Islam agar kesemua permasalahan dan cabaran tersebut dapat ditangani dengan baik tanpa menjelaskan budaya yang sedia ada malahan mampu ke hadapan untuk mengukuhkan lagi tamadun Alam Melayu.

## **MASYARAKAT MELAYU KINI DAN PEMBINAAN BUDAYA BERFIKIR KRITIS BERTERASKAN AL-QURAN**

Sejarah membuktikan bahawa budaya berfikir kritis berteraskan al-Quran telah pun dibudayakan oleh Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin, Tabi'iin dan para ulama di era kegemilangan Tamadun Islam. Keimanan dan ketaqwaan yang dimiliki mereka telah mewujudkan budaya berfikir kritis seterusnya membina sebuah peradaban yang gemilang. Dalam konteks masyarakat Melayu kini budaya berfikir kritis berteraskan al-Quran dilihat penting dan sangat berperanan dalam mencorak budaya berfikir masyarakat Melayu kini seterusnya mengukuhkan lagi peradaban Melayu. Pembinaan budaya berfikir kritis berteraskan al-Quran dalam kalangan masyarakat Melayu kini boleh dirujuk kepada beberapa aspek utama pemikiran kritis yang dibincangkan dalam al-Quran seperti analitikal, objektif dan penilaian.

### **i. Pembinaan budaya berfikir secara analitikal**

Berfikir secara analitikal sangat penting dan perlu dibudayakan terutamanya dalam memastikan sesuatu keputusan yang diambil atau sesuatu masalah itu dapat diselesaikan dengan baik. Masyarakat Melayu kini seharusnya berwaspada dalam segala tindak-tanduk berdasarkan analisis yang teliti agar tidak terjerumus ke dalam kesesatan. Dalam era globalisasi ini ruang maklumat sangat terbuka tanpa disaring atau ditapis. Generasi masa

kini lebih terdedah kepada pelbagai unsur yang boleh membentuk persepsi dan nilai yang mungkin boleh menjelaskan akidah dan budaya hidup yang murni. Akibatnya kepercayaan agama terhakis hingga menjelaskan benteng kerohanian umat Islam (Haron, 2011). Contohnya generasi kini setiap hari akan melayari laman sosial yang dihidangkan dengan pelbagai berita, gosip, khabar angin, tuduhan, fitnah, gaya hidup pergaulan bebas ala Barat dan sebagainya. Hakikatnya kesemua ini hanyalah akan melemahkan pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri.

Dalam hal ini masyarakat Melayu perlu berfikir secara analitikal bagi memastikan maklumat yang diterima benar-benar sahih. Disebabkan itu dalam aspek analitikal, mendatangkan pembuktian itu adalah perkara utama. Ini selari dengan ajaran Islam yang menolak sifat terburu-buru sebaliknya menekankan sifat berhati-hati dalam segala tindak-tanduk kerana bimbang terjerumus dalam kezaliman. Dalam konteks analitikal sesuatu perkara atau maklumat yang diperolehi perlu diberi perhatian secara terperinci agar dapat memahami sesuatu keadaan dengan teliti. Sesungguhnya bukti memainkan peranan penting dalam membantu proses analisis agar keputusan yang diperolehi tidak bertentangan dengan fakta sebenar. Saranan ini bertepatan dengan ajaran al-Quran yang turut menolak sikap ragu-ragu. Antaranya firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan pun tentang itu. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti prasangka sedang sesungguhnya prasangka itu tiada berfaedah sedikit pun terhadap kebenaran.”

Surah al-Najm (53):28

Ini menunjukkan saranan al-Quran agar umat manusia menitik beratkan soal pembuktian dan kebenaran pembuktian tersebut. Daripada itu dapat dinyatakan bahawa al-Quran sangat menekankan budaya berfikir secara analitikal di mana siasatan yang teliti dan bukti yang sahih perlu dikemukakan terlebih dahulu. Ekoran itu, tuduhan palsu dan fitnah-memfitnah dalam kalangan masyarakat Melayu yang berleluasa di laman sosial juga dapat dielakkan. Selain itu gaya hidup sosial yang mengagungkan budaya Barat terutamanya dalam aspek pergaulan, hiburan dan fesyen juga dapat dikurangkan pengaruhnya. Usaha menerapkan budaya berfikir secara analitikal dalam masyarakat Melayu harus ditekankan bagi berhadapan dengan pelbagai cabaran yang dihadapi. Masyarakat Melayu kini seharusnya bertindak bijak dan berfikir secara kritis dengan bersifat analitikal dalam menerima sesuatu fahaman dan maklumat kesan daripada cabaran globalisasi yang dihadapi. Ini penting bagi memastikan fahaman dan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar. Sesungguhnya, sikap menerima sesuatu perkara bulat-bulat tanpa usul periksa terlebih dahulu akan melemahkan pemikiran masyarakat Melayu seterusnya mendorong kepada kejatuhan sebuah tamadun.

## ii. **Pembinaan budaya berfikir secara objektif**

Berfikir secara objektif merupakan suatu elemen penting dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat Melayu. Ini bagi memastikan masyarakat bebas dari sikap bias dan bertindak sesuka hati menurut emosi. Segala tindakan dalam masyarakat tidak seharusnya berlaku atas dasar emosi, pangkat, darjah, kedudukan dan harta benda sebaliknya atas dasar amanah dan tanggungjawab. Justeru al-Quran dan al-Sunnah perlu dijadikan dasar dan pegangan utama dalam kehidupan. Walaupun manusia diberikan kebebasan berfikir dan bebas untuk menjalani kehidupan di muka bumi ini, namun harus

dingat bahawa al-Quran adalah manual pemikiran dan gaya hidup masyarakat Islam yang tidak seharusnya diabaikan.

Malangnya realiti hari ini masyarakat Melayu dilanda dengan pelbagai cabaran ekonomi, politik dan sosial sehingga mengabaikan budaya berfikir secara objektif seperti yang disarankan dalam al-Quran. Dalam konteks semasa dapat disaksikan akibat dari tekanan dan cabaran hidup di era globalisasi ini sebilangan masyarakat sanggup menjadi hamba nafsu demi kepentingan sendiri. Realitinya dalam masyarakat Melayu dapat disaksikan wujudnya golongan yang fanatik kepartian, bersikap nepotisme, penyalahgunaan kuasa, materialistik, dipengaruhi ideologi Barat dan sebagainya. Sikap sedemikian sesungguhnya boleh menjurus kepada budaya berfikir tidak objektif kerana golongan masyarakat ini telah dipengaruhi unsur-unsur emosi, cita rasa, material, dan kedudukan yang tidak berasaskan objektif penciptaan manusia.

Sesungguhnya manusia diperintahkan agar mengabdikan diri kepada Allah SWT. Pengabdian diri kepada Allah SWT boleh membebaskan seseorang dari cinta dunia, cinta diri sendiri dan taklid membabi buta. Selain itu, dapat juga membebaskan seseorang dari pengaruh hawa nafsu dalam berfikir. Justeru dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT seseorang dapat berfikir secara objektif. Oleh demikian manusia akan bebas dari keinginan untuk mencari nama dan kepentingan peribadi. Sesungguhnya akal yang tinggi darjatnya dapat berfikir dengan baik dan dapat meletakkan sesuatu pada tempatnya (Qaradawi, 2001). Masyarakat Islam seharusnya menjalankan tugas secara objektif tanpa bias kepada mana-mana pihak malahan bergantung pada hakikat di mana yang hak itu hak dan batil itu batil. Ini bertepatan sekali dengan konsep objektiviti dalam al-Quran. Antaranya firman Allah SWT:

#### Maksudnya

“Andaikata kebenaran itu menuruti hawa nafsu mereka, pasti binasalah langit dan bumi ini, dan semua yang ada di dalamnya. Bahkan kami telah memberikan peringatan kepada mereka, tetapi mereka berpaling dari peringatan itu.”

Surah al-Mu'minun (23): 71

Ayat ini jelas menerangkan bahawa kebenaran tidak mungkin diukur dengan kehendak hawa nafsu. Sesungguhnya kebenaran yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW adalah jelas dan nyata, hanya golongan kafir sahaja yang enggan untuk menerimanya. Golongan kafir ini hanya akan menerima kebenaran itu sekiranya ia bertepatan dengan kehendak mereka. Sedangkan pada hakikatnya manusia lebih cenderung menurut hawa nafsunya dalam menentukan kebenaran. Jadi mana mungkin kebenaran itu boleh ditetapkan oleh manusia tanpa piawaian dari Tuhan pencipta (Hamka, 1985). Sesungguhnya, kebenaran itu hanya satu dan tetap teguh, sedangkan hawa nafsu itu banyak ragamnya dan berubah-ubah. Malah kebenaran itu hanya mengikut kebenaran yang *kulli* dan mengikut tadbir Allah SWT yang Maha Pentadbir (Qutb, 2000). Namun demikian, orang-orang kafir Quraisy, enggan menerima kebenaran, bahkan membencinya jika kebenaran itu tidak sama dengan sikap dan pendirian yang mereka anuti. Justeru budaya berfikir secara objektif perlu ditekankan dalam masyarakat Melayu kini agar dapat membangunkan modal insan yang berkualiti sekaligus mendorong ke arah kecemerlangan sebuah tamadun.

### iii. Pembinaan budaya berfikir berasaskan penilaian

Sesungguhnya aspek penilaian sangat penting dalam membuat sesuatu keputusan dan perancangan. Ia perlu ditekankan dalam berfikir bagi menjauhi seseorang dari bersikap taklid buta. Metode berfikir seperti ini bertepatan sekali dengan konsep penilaian yang berasaskan keaslian, kebenaran dan kemunasabahan sesuatu perkara. Dalam konteks masyarakat Alam Melayu perlu disedari walaupun kedatangan Islam telah menghakis ajaran nenek moyang yang berunsur khurafat, bid'ah, syirik dan sebagainya namun realitinya di alam Melayu budaya-budaya tersebut masih wujud dan diamalkan oleh segolongan masyarakat Melayu kini. Dalam arus kemodenan ini masih dapat disaksikan aksi-aksi perbomohan yang berunsur khurafat, adat budaya seperti mandi safar, lenggang perut dan pantang larang yang tidak berasas. Memburukkan lagi keadaan munculnya pelbagai ajaran sesat yang jelas bertentangan dengan akidah Islam beserta pengikut-pengikutnya yang sudah pasti gagal dalam membuat penilaian. Menurut al-Qaradawi kesemua perkara ini adalah bertentangan dengan akal ilmiah atau pemikiran kritis.

Masyarakat Melayu seharusnya tidak menerima sesuatu perkara bulat-bulat tanpa membuat penilaian terlebih dahulu. Ini penting agar tidak mudah terpengaruh dengan amalan buruk dan budaya negatif yang diwarisi dari nenek moyang terdahulu. Masyarakat Melayu tidak seharusnya bersikap *carry on sindrom* yang hanya bergantung pada idea-idea lama tanpa mendatangkan idea-idea baru malahan mengambil kira faktor dalaman dan luaran ke atas sesuatu perkara. Hal ini bertepatan sekali dengan ajaran al-Quran yang turut menempelak golongan yang cenderung mewarisi amalan nenek-moyang yang bercanggah dengan ajaran Islam. Antaranya firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji, mereka berkata: "Kami mendapati nenek moyang kami mengerjakan yang demikian itu, dan Allah menyuruh kami mengerjakannya." Katakanlah: "Sesungguhnya Allah tidak menyuruh (mengerjakan) perbuatan yang keji." Mengapa kamu mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui?”

Surah al-A’raf (7):28

Golongan yang mengingkari undang-undang Allah SWT ini juga apabila ditanya apa sebab dibuat begitu, mereka sendiri tidak dapat mempergunakan akal bagi menjelaskannya. Mereka hanya menyatakan bahawa itu adalah peraturan agama daripada Allah SWT. Kemudian apabila ditanya dari mana wahyu itu diterima dan siapa nabi mereka? Maka mereka tidak dapat menjawab dengan benar. Hanya satu sahaja jawapan mereka iaitu sudah begitu kami warisi dari nenek moyang kami. Maka tidak akan kami ubah dan kami akan hanya menuruti dengan setia. Akal kami tidak akan kami pergunakan untuk mempertimbangkan berfaedah atau tidak berfaedah hal ini. Nenek moyang jauh lebih pintar dari kami. Maka datanglah celaan kepada golongan yang memegang sesuatu peraturan yang mereka namai agama itu, padahal tidak ada sumbernya yang jelas (Hamka, 1985).

Menurut Hamka, inilah ayat yang berguna untuk sepanjang zaman, dan bukan hanya untuk orang jahiliyah sahaja tetapi untuk memperingatkan bahawa dalam memegang sesuatu peraturan agama, sekali-kali tidaklah boleh diikut begitu sahaja tanpa penilaian terlebih dahulu (Hamka, 1985). Dalam konteks masyarakat Melayu kini bukan sahaja mewarisi amalan nenek moyang tetapi turut terpengaruh dengan ideologi Barat seperti fahaman-fahaman sekularisme, liberalisme, kapitalisme, hedonisme, pluralisme dan sebagainya sehingga melahirkan segolongan masyarakat Melayu yang kelihatan gaya hidupnya seperti jahiliyyah moden. Masyarakat Melayu yang bertamadun seharusnya bebas daripada budaya warisan nenek moyang dan modenisme yang tidak berasas.

Justeru sikap taklid buta yang bercanggah dengan ajaran Islam dan kewarasan akal seharusnya ditinggalkan oleh umat Islam dan masyarakat Melayu kini khususnya. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pembinaan budaya berfikir berdasarkan penilaian dapat mengukuhkan budaya berfikir masyarakat Melayu kini sekaligus membebaskan masyarakat dari sikap jumud dan taklid buta yang tidak berasas. Malahan berfikir dengan menekankan aspek penilaian ini juga dapat melahirkan masyarakat Melayu yang lebih pro-aktif dan pragmatik. Justeru menjadi tanggungjawab pemimpin dan masyarakat Melayu kini untuk membudayakan budaya berfikir kritis yang menekankan aspek penilaian seperti yang dianjurkan dalam al-Quran.

## KESIMPULAN

Daripada paparan di atas, dapat dinyatakan bahawa budaya berfikir kritis adalah bentuk pemikiran yang dianjurkan al-Quran sekaligus berada dalam kerangka *worldview* Islam yang berasaskan tawhid. Tiga elemen utama yang menjadi tunjang kepada budaya berfikir kritis Islam ialah analitikal, objektif dan penilaian. Ketiga-tiga aspek ini dilihat penting untuk diperlakukan dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya dalam usaha pembinaan budaya berfikir kritis masyarakat Melayu kini yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran-cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu di era globalisasi kini seperti fitnah media sosial, integriti pemimpin, fanatik kepartian, jurang ekonomi, ajaran sesat dan sebagainya perlu dihadapi dan diatasi dengan bijaksana dan memerlukan kepada bentuk berfikir yang lebih kritis berteraskan al-Quran. Justeru tamadun Melayu yang pernah gemilang satu ketika dahulu boleh dikembalikan kegemilangannya melalui transformasi budaya berfikir masyarakat Melayu berteraskan al-Quran.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah, N. M. (2008). *Kenalilah Tamadun (al-Hadharah)*. Shah Alam: UPENA.
- Baba, S. (2013). *Pendidikan Islam Integratif Benteng Hadapi Globalisasi*.
- Baba, S. (2006). *Kefahaman Ilmu dan Keterampilan Pendidikan dalam Upaya Pembaharuan (Tajdid)*.
- Baharom, N. (2002). *Kamus Dewan, Edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bloom, B. (1956). *Taxamony Of Educational Objectives*. . New York: Mc Kay.
- Dewey, J. (1933). *How We Think. A Restatement Of The Relation Of Reflective Thinking To The Educative Process*. New York: DC Health & Com.
- Ennis, R. H. (1996). *Critical Thinking*. New Jersey: Simon & Schusters Company.
- Hamat, M. F. (2004). Beberapa Halangan Pembudayaan Pemikiran Kritis Dalam Masyarakat Menurut Perspektif al-Sunnah. *Jurnal al-Bayan* .
- Hamid, M. A. (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamka. (1985). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Haron, Z. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. Skudai: UTM.
- Hassan, A. M. (2003). *Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Hiang, P. S. (1997). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. . Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Hornby, A. S. (1995). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford: Oxford University Press.
- Kathir, I. (2004). *Tafsir Ibn Kathir*.
- Majid, M. K. (2003). Fanatik dan Taksub dalam Islam: Analisis Pandangan al-Qaradawi. *Jurnal Usuluddin, Bil.18* .
- Musa, H. (2004). Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu. In *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (p. 163). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Philip, J. A. (1997). *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*. . Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Qaradawi, Y. a. (2001). *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Qutb, S. (2000). *Tafsir fi Zilalil Quran, j.10, Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.)*. Kota Bharu: Pustaka Al-Man Press Sdn. Bhd.

- Rahim, R. A. (2002). Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisis. *Jurnal Afkar*, 2.
- Ramli, S. H. (1998). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif (KBKK)*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- Salamon, H. (2010). *Pelaksanaan Dinar dalam Sistem Ekonomi Moden: Cabaran dan Prospek Masa Depan*.